



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI, KEPUASAN KERJA DAN HUBUNGAN GURU-MURID DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH DI PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

WAN KIT YEE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI, KEPUASAN KERJA DAN HUBUNGAN
GURU-MURID DALAM KALANGAN GURU
PRASEKOLAH DI PERAK**

WAN KIT YEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan) (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: _____

No. Matrik / Matric's No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Bersyukur kerana saya dapat menyempurnakan penyelidikan ilmiah yang bertajuk “Kesejahteraan Psikologi, Kepuasan Kerja dan Hubungan Guru-Murid dalam Kalangan Guru Prasekolah” ini dengan lengkap bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak).

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan rasa terima kasih yang tak terhingga kepada Dr. Nor Mashitah Mohd Radzi selaku penyelia utama dan Dr. Pau Kee selaku penyelia bersama kerana telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh penulisan ini dilaksanakan.

Kedua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada ahli keluarga saya terutamanya bapa saya En. Wan Yew Meng dan ibu saya Pn. Leong Eng Kwong yang selalu memberi sokongan moral kepada saya ketika saya menghadapi apa jua masalah.

Seterusnya, ribuan terima kasih kepada Pegawai Pejabat Daerah Larut Matang dan Selama (PPD LMS) yang sudi membenarkan saya menjalankan kajian di daerah tersebut. Tidak lupa juga penghargaan kepada para sampel kajian iaitu para guru prasekolah yang sudi memberi kerjasama dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya menjayakan kajian ini. Diharapkan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang saya peroleh dapat membantu saya pada masa hadapan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara kesejahteraan psikologi, kepuasan kerja dengan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah di negeri Perak. Kajian ini menggunakan reka bentuk korelasi. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Kesejahteraan Psikologi Ryff, teori Efikasi Kendiri Bandura dan teori Determinasi Kendiri Ryan dan Deci. Kajian korelasi ini melibatkan 86 orang guru prasekolah di Perak yang dipilih secara rawak mudah. Antara instrumen yang digunakan adalah *PERMA*, *Job Satisfaction Survey (JSS)* dan *Students-Teacher Relationship Scale (STRS)*. Ketiga-tiga instrumen tersebut telah disahkan oleh tujuh orang pakar dan nilai kebolehpercayaan untuk *PERMA* ialah $\alpha=0.91$, *JSS* ialah $\alpha=0.85$ dan *STRS* ialah $\alpha=0.73$. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferens iaitu peratus, sisihan piawai dan korelasi Pearson. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan psikologi adalah sederhana ($M=6.97$, $SP=0.99$) dalam skala 0 hingga 10. Tahap kepuasan kerja adalah mereka berpuas hati ($M=4.16$, $SP=0.48$) dalam skala 1 hingga 6. Manakala tahap hubungan guru-murid adalah rendah ($M=3.07$, $SP=0.26$) dalam skala 1 hingga 5 dalam kalangan guru prasekolah. Analisis korelasi menunjukkan hubungan sederhana signifikan antara kesejahteraan psikologi guru dengan kepuasan kerja ($r=0.39$, $p<0.01$), kesejahteraan psikologi guru dengan hubungan guru-murid ($r=0.38$, $p<0.01$) serta kepuasan kerja dengan hubungan guru-murid ($r=0.37$, $p<0.01$). Kesimpulannya, dapatkan utama kajian menunjukkan kesejahteraan psikologi adalah sederhana. Selain itu, guru prasekolah adalah berpuas hati dengan kerjanya. Namun, hubungan guru-murid adalah rendah. Hubungan antara ketiga-tiga pembolehubah ini adalah sederhana. Kajian ini dapat memberi implikasi bahawa guru prasekolah perlu meningkatkan aspek kesejahteraan psikologi dan hubungan guru-murid. Prosedur operasi dalam prasekolah juga perlu diberi perhatian kerana ini adalah penting dalam menentukan kepuasan kerja.





PSYCHOLOGICAL WELL-BEING, JOB SATISFACTION AND STUDENT-TEACHER RELATIONSHIP AMONG PRESCHOOL TEACHERS IN PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the level and the relationship between psychological well-being, job satisfaction and teacher-student relationships among preschool teachers. This quantitative survey involved 86 preschool teachers in Perak who were selected through random sampling technique. Correlation design was used in this study. The theories used in this study were Ryff's theory of psychological well-being, Bandura's theory of self-efficacy and Ryan and Deci's theory of self-determination. The instruments used were PERMA questionnaire, Job Satisfaction Survey (JSS) questionnaire and Students-Teacher Relationship Scale (STRS) questionnaire. All three instruments have been verified by seven experts and the reliability value for PERMA was $\alpha=0.91$, JSS was $\alpha=0.85$ and STRS was $\alpha=0.73$. Quantitative data were analyzed descriptively and inference by using percentage, standard deviation and Pearson correlation. The findings showed the psychological well-being among preschool teachers was moderate ($M=6.97$, $SP=0.99$) in the scale of 0 to 10. The job satisfaction of preschool teachers was satisfactory ($M=4.16$, $SP=0.48$) in the scale of 1 to 6. The teacher-student relationship ($M=3.07$, $SP=0.26$) in the scale of 1 to 5 among preschool teachers was low. Findings also revealed a significant correlation between teacher's psychological well-being and job satisfaction ($r=0.39$, $p<0.01$), teacher's psychological well-being and teacher-student relationship ($r=0.38$, $p<0.01$) as well as job satisfaction and teacher-student relationship ($r=0.37$, $p<0.01$). In conclusion, the main finding showed that the psychological well-being of the respondents was moderate. In addition, the preschool teachers were satisfied with their work. However, the teacher-student relationship was low. The correlation between three variables were low. In implication, the preschool teachers need to improve their psychological well-being and their student-teacher relationship. Operating procedures in preschool also need to be focused as this is important in ensuring job satisfaction.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.8.1 Guru Prasekolah	14





1.8.2 Murid Prasekolah	15
1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia	15
1.9 Batasan Kajian	16
1.9.1 Kawasan	16
1.9.2 Tempoh Kajian	17
1.10 Definisi Konseptual dan Operasional	17
1.10.1 Guru Prasekolah Dalam Pendidikan Prasekolah	17
1.10.2 Kesejahteraan Psikologi Guru	18
1.10.3 Kepuasan Kerja	18
1.10.4 Hubungan Guru Dan Murid	19
1.11 Rumusan	19



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Teori Kesejahteraan Psikologi	21
2.3 Teori Efikasi Kendiri	24
2.4 Teori Determinasi Kendiri	28
2.5 Kesejahteraan Psikologi dan Psikologi Positif	32
2.5.1 Kesejahteraan Psikologi PERMA	35
2.5.2 Kesejahteraan Psikologi Guru	38
2.5.3 Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru Di Malaysia	41
2.5.4 Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru Prasekolah	44
2.6 Kepuasan Kerja Guru	46
2.6.1 Kepuasan Kerja Guru Prasekolah	49
2.6.2 Kepuasan Kerja dan Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru	51





2.7 Hubungan Guru-Murid	54
2.7.1 Hubungan Guru-Murid Prasekolah	59
2.7.2 Hubungan Guru-Murid dan Kesejahteraan Psikologi	62
2.8 Hubungan Kepuasan Kerja dan Hubungan Guru-Murid	64
2.9 Rumusan	66

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	67
3.2 Reka Bentuk Kajian	68
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	70
3.4 Instrumen Kajian	71
3.4.1 Soal Selidik PERMA	74
3.4.1.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan PERMA	76
3.4.2 Soal Selidik <i>Job Satisfaction Survey (JSS)</i>	78
3.4.2.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan JSS	80
3.4.3 Soal Selidik <i>Student Teacher Relationship Scale (STRS)</i>	81
3.4.3.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan STRS	84
3.5 Kajian Rintis	86
3.6 Pengumpulan Data	87
3.7 Kenormalan Data Kajian	88
3.8 Analisis Data	93
3.8.1 Analisis Deskriptif	94
3.8.2 Analisis Inferensi	95
3.9 Rumusan	96





BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	97
4.2 Data Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	97
4.3 Analisis Deskriptif Demografi Responden	98
4.4 Persoalan 1: Apakah tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru prasekolah?	101
4.5 Persoalan 2: Apakah tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru prasekolah?	103
4.6 Persoalan 3: Apakah tahap hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah?	105
4.7 Persoalan 4: Adakah terdapat hubungan antara tahap kesejahteraan psikologi dan kepuasan kerja dalam kalangan guru prasekolah?	107
4.8 Persoalan 5: Adakah terdapat hubungan antara tahap kesejahteraan psikologi dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah?	109
4.9 Persoalan 6: Adakah terdapat hubungan antara kepuasan kerja dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah?	110
4.10 Rumusan	111



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	112
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	112
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	114
5.3.1 Tahap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru Prasekolah	114
5.3.2 Tahap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Prasekolah	116
5.3.3 Tahap Hubungan Guru-Murid Dalam Kalangan Guru Prasekolah	119





5.3.4 Hubungan Antara Tahap Kesejahteraan Psikologi Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Prasekolah	121
5.3.5 Hubungan Antara Tahap Kesejahteraan Psikologi Dan Hubungan Guru-Murid Dalam Kalangan Guru Prasekolah	122
5.3.6 Hubungan Antara Kepuasan Kerja Dan Hubungan Guru-Murid Dalam Kalangan Guru Prasekolah	124
5.4 Implikasi Kajian	126
5.5 Cadangan Kajian Masa Depan	128
5.6 Kesimpulan	130
RUJUKAN	131





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Ringkasan Instrumen Kajian	72
3.2 Bilangan Item PERMA Mengikut Bahagian	75
3.3 Interpretasi Tahap Kesejahteraan Psikologi	76
3.4 Dapatan Kesahan Instrumen PERMA	77
3.5 Dapatan Kebolehpercayaan Instrumen PERMA	77
3.6 Bilangan Item JSS Mengikut Bahagian	78
3.7 Ringkasan Item Negatif Diterbalikkan (<i>Recode</i>)	79
3.8 Interpretasi Tahap Kepuasan Kerja	80
3.9 Dapatan Kesahan Instrumen JSS	80
3.10 Dapatan Kebolehpercayaan Instrumen JSS	81
3.11 Bilangan Item STRS Mengikut Bahagian	82
3.12 Interpretasi Nilai Tahap Hubungan Guru-Murid	83
3.13 Dapatan Kesahan Instrumen STRS	84
3.14 Dapatan Kebolehpercayaan Instrumen STRS	85
3.15 Nilai Cronbach Alpha Kajian Rintis	86
3.16 Ujian Kenormalan Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	89
3.17 Deskriptif Kenormalan berdasarkan Instrumen	89
3.18 Matriks Analisis Data	93
3.19 Pekali Korelasi Pearson (r)	96





4.1 Nilai Cronbach Alpha Kajian Sebenar	98
4.2 Analisis Demografi Responden	99
4.3 Kesejahteraan Psikologi Guru Prasekolah Mengikut Bahagian	101
4.4 Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru Prasekolah	102
4.5 Kepuasan Kerja Guru Prasekolah Mengikut Bahagian	103
4.6 Tahap Kepuasan Kerja Guru Prasekolah	104
4.7 Tahap Hubungan Guru-Murid Mengikut Bahagian	105
4.8 Tahap Hubungan Guru-Murid	106
4.9 Statistik Deskriptif Kesejahteraan Psikologi dan Kepuasan Kerja	108
4.10 Analisis Korelasi Pearson antara Kesejahteraan Psikologi dan Kepuasan Kerja	108
4.11 Statistik Deskriptif Kesejahteraan Psikologi Hubungan dan Guru-Murid	109
4.12 Analisis Korelasi Pearson Kesejahteraan Psikologi dan Hubungan Guru-Murid	109
4.13 Statistik Deskriptif Kepuasan Kerja Dan Hubungan Guru-Murid	110
4.14 Analisis Korelasi Pearson antara Kepuasan Kerja Dan Hubungan Guru-Murid	111





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kesejahteraan Psikologi Guru Prasekolah	13
1.2 Kerangka Teori	14
2.1 Model Tekanan Transaksi dan Penangguhan terhadap Hubungan Guru-Murid dan Kesejahteraan	31
3.1 Reka Bentuk Kajian	69
3.2 Proses Penterjemahan Instrumen Soal Selidik dan Kesahan Pakar	72
3.3 Graf Bar dalam PERMA	75
3.4 Graf Plot dalam STRS	83
3.5 Ringkasan Prosedur Kajian	88
3.6 Histogram PERMA	90
3.7 Boxplot JSS	91
3.8 Stem-and-Leaf Plot	92
4.1 PERMA Guru Prasekolah	102





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NAEYC	<i>National Association for the Education of Young Children</i>
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- B Contoh Surat Kesahan Pakar
- C Emel Kebenaran Menggunakan Soal Selidik (PERMA, JSS dan STRS)
- D Penterjemahan Instrumen oleh *Accurate Inc* dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia
- E Instrumen Soal Selidik (PERMA, JSS dan STRS)
- F Borang Permohonan BPPDP 2(A) - EPRD
- G Emel Cadangan Interpretasi PERMA
- H pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
Raw Score to Percentile Conversion Table



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), guru prasekolah perlu mendidik murid-murid prasekolah dengan berkualiti supaya dapat memastikan peningkatan minat dan kesinambungan kepada pendidikan di peringkat yang lebih tinggi (KPM, 2010). Seseorang guru juga perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai nilai tambah supaya sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran dalam mendidik anak-anak murid prasekolah. Guru prasekolah mempunyai tugas yang berbeza berbanding guru biasa kerana bebanan tugas sehari-hari juga agak unik di mana guru bukan tertumpu pada tugas mengajar sahaja (Denham, 2005).

Menurut Spodek dan Saracho (2006), seseorang guru pendidikan awal kanak-kanak berperanan lebih kompleks dalam pelbagai dimensi berbanding dengan guru



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



yang mengajar di sekolah rendah dan menengah. Guru prasekolah merupakan satu pekerjaan yang amat mulia dan mencabar kerana guru adalah insan yang penting dalam membentuk seseorang murid supaya menjadi orang yang dapat memberi sumbangan kepada negara pada masa depan. Oleh itu, kesejahteraan psikologi guru prasekolah amat diberi perhatian (Day & Leitch, 2001). Segala masalah yang berkaitan dengan guru prasekolah perlu diatasi dengan baik supaya menjamin kesejahteraan psikologi guru (Osgood, 2006).

Selain itu, kesejahteraan psikologi guru yang baik juga memfokuskan perasaan yang positif dan tidak mendatangkan rasa beban dan tertekan (Seligman, 2011). Contohnya mempunyai kepuasan dalam kerja yang diceburi, berasa seronok dalam kerja dan dapat bersosial dengan pihak pentadbir, rakan kerja atau murid dengan positif.



kesejahteraan psikologi adalah konsep multidimensi yang merangkumi komponen emosi, sosial dan fungsional dan ia dibentuk daripada faktor dalaman, termasuk emosi seperti keseronokan, kebahagiaan dan tekanan serta faktor luaran seperti kesihatan fizikal, gaji, sokongan sosial dan syarat-syarat tertentu (Kern, Waters, Adler, & White, 2015).

Oleh sebab itu, kesejahteraan psikologi dan kepuasan kerja sering dikaitkan antara satu sama lain. Contohnya aspek kepuasan kerja juga merangkumi bayaran, promosi, penyeliaan, faedah sampingan, ganjaran, rakan sekerja, sifat kerja dan komunikasi (Spector, 2011). Oleh itu, aspek kepuasan kerja adalah penting dalam menjamin kesejahteraan psikologi guru dan ia akan diperjelas lebih lanjut dalam kajian ini. Begitu juga aspek hubungan guru-murid juga sering dikaitkan dengan





kesejahteraan psikologi. Dalam aspek hubungan guru-murid, hubungan guru-murid yang positif adalah penting dalam menjamin kualiti pendidikan, kesejahteraan dan kepuasan kerja (Gallagher, Kainz, Vernon-Feagans, & White, 2013). Oleh itu, seseorang guru prasekolah memainkan tanggungjawab yang penting dalam meningkatkan kualiti pergaulan harian dan memperkuat interaksi dalam kalangan murid dalam bilik darjah.

Dalam kajian ini, tahap kesejahteraan psikologi guru adalah berkait rapat dengan psikologi positif yang merangkumi kegembiraan sebenar. Kesejahteraan merujuk kepada unsur emosi positif yang mendatangkan kegembiraan dalam bidang yang diceburi. Tahap kesejahteraan psikologi dalam kajian ini diukur menggunakan PERMA yang melibatkan emosi positif (*positive emotion*), penglibatan (*engagement*), hubungan (*relationship*), makna (*meaning*) dan pencapaian (*accomplishment*). Kelima-tiga aspek ini akan menentukan tahap kesejahteraan psikologi seseorang guru prasekolah dalam kajian ini. Manakala tahap kepuasan kerja akan diukur melalui *Job Satisfaction Survey (JSS)* yang merangkumi aspek bayaran (*pay*), promosi (*promotion*), penyeliaan (*supervision*), faedah sampingan (*fringe benefits*), ganjaran kontingen (*contingent rewards*), prosedur operasi (*operating procedures*), rakan sekerja (*coworkers*), sifat kerja (*nature of work*) dan komunikasi (*communication*) dan akhirnya tahap hubungan guru-murid akan dinilai dengan menggunakan *Student Teacher Relationship Scale (STRS)* yang merangkumi konflik (*conflict*), kerapatan (*closeness*) dan kebergantungan (*dependency*).





1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tren pendidikan masa kini, keberkesanan mengenai prasekolah semasa telah membawa kepada perubahan yang pesat dalam dasar dan amalan pendidikan awal kanak-kanak. Perubahan ini menumpukan terutamanya dalam profesionalisme guru dalam pendidikan awal kanak-kanak (Stipek, 2006). Sesungguhnya, penambahbaikan dalam keberkesanan prasekolah adalah diperlukan tetapi usaha reformasi terhadap guru, kanak-kanak dan sekolah telah berlakunya pengabaian guru dalam pendidikan (Day *et al.*, 2005).

Ketika memeriksa semula usaha reformasi zaman kanak-kanak, didapati bahawa kebanyakan daripadanya hanya memberi penekanan dalam standard global dan akauntabiliti tetapi sedikit penekanan yang diberikan kepada bagaimana kesejahteraan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak ini dijaga dan diberi perhatian. Terdapat tanda-tanda krisis yang dinyatakan oleh Osgood (2006) seperti berikut:

Early childhood services are widely presented as failing to meet the needs of children and families and therefore the rationale for regulation is legitimated and a regulatory gaze deemed expedient and necessary. In this climate early years practitioners increasingly have to wrestle with demands for accountability, performativity and standardised approaches to their practice, all of which mark a pronounced movement towards centralised control, and prescription, which poses a potential threat to professional autonomy and morale. (p. 6)





Petikan di atas telah mengatakan bahawa pendidikan awal kanak-kanak gagal memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga. Oleh itu penyemakan semula rasional dalam peraturan adalah diperlukan. Para pendidik perlu mempunyai akauntabiliti, prestasi, pendekatan amalan yang standard dalam mengekalkan semangat dan autonomi profesi. Dalam hal ini, usaha untuk meningkatkan pendidikan awal kanak-kanak bukan sahaja menekankan apa yang perlu guru lakukan ketika mengajar tetapi juga kepada semua individu seperti ibubapa, guru, orang dewasa dan lain-lain yang bertanggungjawab yang akan mempengaruhi kanak-kanak.

Sebenarnya, untuk menjadi seorang guru prasekolah yang berkelayakan, seseorang perlu melalui tempoh percubaan mengajar sebelum disahkan dalam jawatan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Seseorang guru prasekolah yang berkualiti

harus dapat mengaplikasikan segala pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan pedagogi yang sesuai dengan umur, minat dan tahap perkembangan seseorang kanak-kanak. Peranan guru prasekolah bukan sahaja memberi ilmu dalam bilik darjah tetapi juga mendidik anak-anak muridnya dengan lebih menyeluruh supaya dapat menjadi individu yang berguna kepada masyarakat pada suatu hari nanti. Oleh itu, kesejahteraan psikologi seseorang guru prasekolah perlu diberi fokus demi mencapai hasrat tersebut.

Namun, laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2012) menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi seseorang manusia yang bersifat keperluan individu secara dalaman ini sukar dinilai dan berkait rapat dengan penyakit mental. Punca utama penyakit mental ini adalah daripada tekanan yang dialami oleh seseorang individu. Menurut Fisher (2011), tahap tekanan dan beban kerja yang tinggi merupakan punca guru meninggalkan profesionnya.





Berdasarkan kajian dari United Kingdom dan Amerika Syarikat, didapati bahawa kira-kira separuh daripada guru meninggalkan profesion tersebut dalam tempoh lima tahun (Shoshani & Steinmetz, 2014) dan purata kira-kira lima hari guru tidak hadir dalam kerja setiap tahun. Manakala kajian dalam konteks Malaysia menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada 50 peratus guru-guru sekolah yang dikaji menunjukkan kepuasan kerja yang rendah kerana mengalami bebanan kerja yang di luar bidang mengajar (Azlina & Rohana, 2011). Keadaan ini bertambah kritikal apabila kebanyakan guru memilih bersara awal untuk mengelakkan beban tugas yang semakin berat. Maka, kesejahteraan psikologi guru adalah penting dan perlu diberi perhatian.

Menurut Noriati Rashid, Boon, dan Wong (2010), kesejahteraan psikologi guru di tempat kerja dan faktor-faktor yang menjelaskan kesejahteraan guru boleh mempengaruhi kepuasan kerja dan kualiti pengajaran guru tak dan n seterusnya mempengaruhi pula produktiviti, prestasi dan kecekapan guru. Kesejahteraan hidup guru memberikan impak yang besar terhadap bidang pendidikan di Malaysia. Sekiranya kesejahteraan guru rendah, maka ini akan mengakibatkan guru melahirkan ketidakpuasan, kebosanan, keletihan dan menjelaskan tahap kecekapan meneruskan tugas (Lopez, 2009). Ini turut membuktikan bahawa terdapat hubungan antara kesejahteraan psikologi dan kepuasan kerja dalam kalangan guru.

Menurut Salehi dan Taghavi (2015), kepuasan kerja adalah elemen penting yang hasil daripada keberkesanannya diri dan berkaitan dengan kesejahteraan psikologi. Para penyelidik telah menunjukkan bahawa sikap dan persepsi guru positif adalah asas untuk pengajaran yang berkesan. Kepercayaan, persepsi dan sikap serta profesion pengajaran para guru turut mempengaruhi amalan dan prestasi murid (Ispir, 2010). Oleh





itu, kepuasan kerja seseorang perlu dijamin memandangkan ia mempengaruhi pelbagai aspek yang penting.

Di samping itu, juga didapati bahawa hubungan guru-murid yang sihat dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik murid. Menurut Jantine, Spilt, Koomen dan Jochem (2011), senjata yang paling kuat seseorang guru adalah semasa memupuk iklim pembelajaran yang menggembirakan dan mewujudkan hubungan positif dengan murid mereka. Murid juga menganggap guru mereka sebagai penyokong dalam mendapat pencapaian yang lebih baik. Apabila murid merasa selamat dalam kelas, mereka lebih melibatkan diri dalam pembelajaran dan belajar dengan lebih bersemangat (Maulana, Opdenakker, Stroet, & Bosker, 2013). Oleh itu, perhubungan guru-murid yang positif adalah penting dalam membantu murid menjadi lebih bermotivasi dan

berjaya dalam akademik adalah membina dan mengekalkan.



Tegasnya, ketiga-tiga pembolehubah dalam kajian ini iaitu kesejahteraan psikologi, kepuasan kerja dan hubungan guru-murid adalah saling berkait antara satu sama lain. Hubungan antara pembolehubah tersebut perlu dikaji agar memberi kepentingan dalam pendidikan prasekolah kemudian.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan bacaan, didapati bahawa pengaplikasian konsep kesejahteraan psikologi di prasekolah masih berkurangan. Menurut Noble dan McGrath (2015), tumpuan kesejahteraan hanya kepada kekuatan murid dan usaha untuk mewujudkan persekitaran





sekolah yang positif sahaja. Manakala kajian Achermann dan Bauer (2017) menunjukkan kesejahteraan psikologi murid dipengaruhi oleh faktor lokasi, hubungan dengan orang dan kadang-kadang dengan haiwan dan aktiviti tertentu. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bidang kesejahteraan psikologi dikaji namun data empirikal tentang kesejahteraan psikologi guru tidak dikenal pasti.

Berdasarkan Barch (2015) pula, didapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan dalam kepentingan hubungan guru-murid terhadap perkembangan sosial dan kognitif. Kajian Davis (2003) pula merujuk kepada kualiti hubungan murid-guru dalam prasekolah berkaitan dengan tingkah laku prososial dalam kelas dan kecekapan sosial. Mashburn, Hamre, Downer dan Pianta (2006) pula mengkaji semula kajian lepas yang berkenaan dan mendapati bahawa hubungan kualiti murid-guru meningkatkan pengawalan emosi, penyelesaian masalah dan pencapaian akademik murid. Jika diteliti, contoh kajian di atas menunjukkan perkaitan antara hubungan guru-murid dan kesejahteraan psikologi. Namun didapati masih kurang kajian spesifik yang menerangkan hubungan antara kesejahteraan psikologi dan guru-murid.

Selain itu, kajian Osgood (2006) menunjukkan bahawa majoriti ibubapa hanya menekankan pembelajaran dan pencapaian anak masing-masing sehingga kesejahteraan seseorang guru diabaikan. Sikap terlalu mementingkan pencapaian akademik ini telah menggugat kesejahteraan guru. Ini juga menunjukkan kepentingan kesejahteraan holistik guru kurang diberi perhatian walaupun ini merupakan unsur penting dalam menjamin kualiti pembelajaran murid-murid prasekolah.





Sebenarnya, sesebuah sekolah memberi tumpuan kepada amalan kesihatan mental berdasarkan pendidikan agar menjadi sebuah institusi holistik kerana usaha tersebut menunjukkan kesejahteraan, kebahagian dan kepuasan kerja guru perlu diutamakan (Gozzoli, Frascaroli, & D'Angelo, 2015). Namun, laporan daripada Persatuan Psikiatrik Malaysia (2010) menunjukkan bahawa terdapat 2.6 juta penduduk atau 11% mengalami permasalahan psikologi, kemurungan dan stress yang serius. Oleh itu, kesejahteraan psikologi dan kepuasan kerja guru perlu diberi penekanan agar menjadi sesebuah sekolah boleh menjadi institusi yang holistik.

Perkara yang berkaitan dengan nisbah bilangan guru prasekolah dengan murid dalam kelas turut menjadi masalah kajian ini. Berdasarkan NAEYC (2013), nisbah guru dan murid dalam tadika (*kindergarten*) ialah 1:20. Manakala nisbah prasekolah

(*preschool*) ialah 1:10. Juga didapati bahawa tadika swasta di Malaysia secara amnya lebih baik berbanding dengan tadika kerajaan (United Nations Children's Fund, 2013) kerana nisbah guru kepada murid di tadika swasta adalah 1:14 sedangkan nisbah di tadika kerajaan adalah 1:22 dan nisbah prasekolah kerajaan adalah 1:25. Ini menunjukkan perbezaan nisbah guru murid di luar negara dan di Malaysia serta tadika swasta dan kerajaan. Secara tidak langsung, ini menjadi satu beban untuk guru prasekolah yang berkemungkinan memberi kesan atas kesejahteraan psikologinya.

Didapati juga tahap tekanan dan keletihan yang tinggi di kalangan guru membawa rasa tidak puas hati dalam kerja dan ini secara langsung akan mengakibatkan penurunan prestasi profesional (Tajulashikin, Fazura, & Mohd Burhan, 2013). Namun, hanya terdapat segelintir kajian yang mengkaji punca utama kesejahteraan guru. Kesejahteraan guru yang lemah berkaitan dengan ketidakpuasan dan tekanan di tempat





kerja (Kidger, Brockman, Tilling, Campbell, Ford, Araya, & Gunnell, 2016). Terdapat kajian yang menumpukan kepada fungsi guru dan kesihatan mental yang menyerlahkan kesan positif dan mereka menekankan hubungan prososial untuk murid-guru, guru-guru dan guru-pentadbir (Gozzoli et al., 2015; Pas, Bradshaw, & Hershfeldt, 2012). Oleh itu, masalah yang kritikal ini juga menjadi minat pengkaji dalam mengkaji kesejahteraan psikologi guru dalam konteks kepuasan kerja.

Menurut Fleming, Mackrain, dan LeBuffe (2013), jika hubungan guru-murid mengalami ketidaksempurnaan, pencapaian akademik murid dan kesejahteraan murid dan guru akan terjejas. Ketidakupayaan guru prasekolah menangani masalah pengurusan kelas dan tekanan kerja turut memberi kesan negatif kepada tahap kesejahteraan mereka (Vesely, Saklofske, & Nordstokke, 2014). Maka, ia menunjukkan

terdapat perkaitan antara kesejahteraan psikologi dengan hubungan guru-murid dan ini adalah unsur penting dalam meningkatkan prestasi murid. Namun, didapati kurang kajian tentang hubungan guru-murid dan kesejahteraan psikologi guru (McGrath & Huntington, 2007). Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji bagaimana hubungan murid-guru ini mempengaruhi kesejahteraan dan pencapaian murid.

Justeru, kajian Newberry dan Davis (2008) mengatakan bahawa hanya terdapat maklumat yang sedikit mengenai interpersonal antara guru-murid dan hanya terdapat sedikit pengiktirafan terhadap keperluan dalaman guru sendiri yang memerlukan hubungan positif serta hubungan peribadi dengan seseorang murid. Dengan ini, kajian tentang hubungan antara kesejahteraan psikologi, kepuasan kerja dan hubungan guru-murid perlu dijalankan untuk mengetahui tahap kesejahteraan psikologi, kepuasan kerja, hubungan guru-murid serta hubungan antara satu sama lain.





1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru prasekolah.
- 1.4.2 Mengenal pasti tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru prasekolah.
- 1.4.3 Mengenal pasti tahap hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah.
- 1.4.4 Mengukur hubungan antara tahap kesejahteraan psikologi dan kepuasan kerja dalam kalangan guru prasekolah.
- 1.4.5 Mengukur hubungan antara tahap kesejahteraan psikologi dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah.
- 1.4.6 Mengukur hubungan antara kepuasan kerja dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah.



1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru prasekolah?
- 1.5.2 Apakah tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru prasekolah?
- 1.5.3 Apakah tahap hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan antara tahap kesejahteraan psikologi dan hubungan antara kepuasan kerja dalam kalangan guru prasekolah?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan antara tahap kesejahteraan psikologi dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara kepuasan kerja dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah?





1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggemarkan beberapa hipotesis kajian. Berdasarkan kepada tujuan dan persoalan kajian, pengkaji telah memperkembangkan hipotesis alternatif iaitu:

H_01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesejahteraan psikologi dan kepuasan kerja guru prasekolah.

H_02 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesejahteraan psikologi dan hubungan guru-murid guru prasekolah.

H_03 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dan hubungan guru-murid dalam kalangan guru prasekolah.




1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibina melalui tinjauan literatur yang mengambil kira hasil kajian lepas dan bahan bacaan ilmiah. Ini membolehkan pengkaji menghasilkan maklumat yang lebih menyeluruh dan terperinci. Kerangka konseptual kajian ini menjelaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi guru prasekolah.

Terdapat dua faktor utama yang dikenal pasti iaitu kepuasan kerja dan hubungan guru-murid. Kedua-dua faktor ini diterjemahkan berdasarkan kerangka konsep dan teori yang memperlihatkan perkaitan dengan kesejahteraan psikologi guru prasekolah,




kepuasan kerja guru dan hubungan guru-murid. Berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah dibina, kerangka konseptual Rajah 1.1 seperti berikut dilampirkan.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kesejahteraan Psikologi Guru Prasekolah

Selain itu, juga terdapat teori-teori yang digunakan dalam kajian ini. Teori yang digunakan adalah Teori Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989), Teori Determinasi Kendiri (*Self-determination Theory SDT*) oleh Deci dan Ryan (2000) serta Teori Efikasi kendiri oleh Bandura. Pengkaji menggunakan Teori Kesejahteraan Psikologi dalam menerangkan tahap kesejahteraan psikologi guru, Teori Determinasi Kendiri dalam menghuraikan hubungan guru-murid dan Teori Efikasi Kendiri dalam menghuraikan kepuasan kerja seperti kerangka teori Rajah 1.2 di bawah. Namun, setiap teori di digunakan dalam kajian ini akan dihursti dan dijelaskan dalam Bab 2.



Rajah 1.2. Kerangka Teori

1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidik dalam pendidikan telah banyak meningkatkan pemahaman tentang sesuatu

yang dikaji. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi guru prasekolah dari aspek kepuasan kerja guru prasekolah dan hubungan guru dan murid dalam kalangan guru prasekolah. Kajian ini berfokus kepada manfaat dan kepentingan kepada beberapa pihak seperti berikut:

1.8.1 Guru Prasekolah

Melalui kajian ini, kesejahteraan psikologi guru prasekolah dapat membantu menyediakan persekitaran bekerja yang lebih seronok dan harmoni. Secara tidak langsung, guru akan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh seperti menyediakan bahan bantu mengajar, menyediakan aktiviti yang lebih kreatif dan seronok dalam proses pengajaran serta lebih bersedia dalam menghadapi cabaran dalam pengajaran.




Dengan ini, masalah dalam kalangan guru prasekolah seperti tekanan dan beban guru dapat dikurangkan kerana segala yang dilakukan adalah berdasarkan keinginan seseorang guru sendiri.

1.8.2 Murid Prasekolah

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada murid-murid prasekolah apabila mereka berupaya meningkatkan minat dalam pembelajaran melalui hubungan yang positif antara guru dan murid. Contohnya menjaga hubungan guru-murid agar mencipta persekitaran pembelajaran yang positif. Dengan ini, murid akan belajar dengan lebih seronok dan bermakna apabila tempat pembelajaran berada dalam selamat dan harmoni.



Menurut Wan (2017), murid prasekolah merupakan modal insan kepada negara.



Mereka perlu diberi perhatian supaya dapat berkembang secara menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Memandangkan terdapat banyak domain perlu dicapai seperti dihasratkan, kajian ini berharap agar murid dapat mencapai perkembangan yang menyeluruh terutamanya dari aspek kegembiraan dan keseronokan melalui psikologi positif.

1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK). Sistem SKPK merupakan satu sistem standard yang digunakan untuk merekodkan dan mengira skor setiap dimensi kualiti yang terdapat dalam SKPK.





Melalui sistem ini, pihak kementerian dapat mengenal pasti faktor seperti tekanan dan beban yang mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi guru prasekolah. Sekiranya faktor tersebut dikenal pasti, maka adalah wajar mengambil tindakan susulan yang dapat menangani masalah tersebut agar memberi manfaat terhadap kesejahteraan psikologi kepuasan kerja guru serta hubungan guru-murid. Ini berupaya memastikan mutu perkhidmatan Perguruan Malaysia yang tinggi.

1.9 Batasan kajian

Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa batasan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat. Terdapat beberapa batasan kajian yang



1.9.1 Kawasan

Kajian ini dijalankan ke atas guru prasekolah daerah Larut Matang dan Selama. Responden kajian ini dipilih secara rawak dalam daerah Larut Matang dan Selama sahaja. Kajian ini tidak mengambil pensampelan dari prasekolah di seluruh Malaysia. Oleh itu, dapatan daripada kajian hanya boleh digeneralisasikan dalam daerah Larut Matang dan Selama sahaja. Pembolehubah juga terbatas kepada budaya dalam lokasi prasekolah bandar dan luar bandar kerana kawasan ini mempunyai budaya yang pelbagai.





1.9.2 Tempoh Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam jangka masa lima bulan. Guru-guru prasekolah yang dipilih perlu menjawab soal selidik bagi mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi, kepuasan kerja dan hubungan guru-murid di sekolah yang berkenaan. Namun, dengan kesibukan tugas guru prasekolah, kajian ini telah mengambil masa lebih daripada lima bulan.

1.10 Definisi Konseptual dan Operasional

Pelbagai terminologi dan konsep digunakan mengenai kesejahteraan psikologi guru



prasekolah. Perenggan pertama adalah definisi konseptual manakala perenggan kedua adalah definisi operasional. Bahagian ini bertujuan untuk mendefinisikan sesuatu konsep atau pembolehubah yang abstrak dalam bentuk yang konkret. Definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.10.1 Guru Prasekolah dalam Pendidikan Prasekolah

Pendidikan Prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4+ hingga 5+ tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu (Garis Panduan Pengurusan Prasekolah, 2019).





Dalam kajian ini, guru prasekolah merujuk kepada guru yang dipertanggungjawabkan dalam mendidik murid-murid yang berumur 5 tahun dan 6 tahun di sesebuah prasekolah.

1.10.2 Kesejahteraan Psikologi Guru

Menurut Ryan dan Deci (2001), kesejahteraan psikologi berkaitan emosi positif, realisasi diri dan makna daripada kebahagiaan yang melibatkan matlamat hidup, potensi seseorang dan kualiti hubungan, tanggungjawab dan autonomi.

Dalam kajian ini, kesejahteraan psikologi merujuk kepada gabungan aspek yang



menyentuh emosi positif. Aspek tersebut merangkumi emosi positif (P), penglibatan (E), hubungan (R), makna (M), pencapaian (A) dalam instrumen PERMA.

1.10.3 Kepuasan Kerja

Menurut Judge dan Church (2000) dalam Cooper dan Locke, kepuasan kerja didefinisikan sebagai perasaan, sikap dan emosi yang positif terhadap kerja. Sikap yang positif individu terhadap pekerjaan membuktikan bahawa seseorang tersebut mempunyai kepuasan kerja (Ozpehlivana & Acarb, 2015).

Dalam kajian ini, kepuasan kerja guru adalah kombinasi perasaan emosi positif

terhadap pekerjaannya. Segala aspek seperti bayaran, promosi, penyeliaan, faedah





sampingan, ganjaran kontigen, prosedur operasi, rakan sekerja, sifat kerja dan komunikasi yang tersenarai dalam instrumen *Job Satisfaction Survey* diambil kira.

1.10.4 Hubungan Guru-Murid

Menurut Anne Milatz, Marko Luftenegger, dan Barbara Schober (2015), hubungan guru dan murid merupakan kunci utama terhadap kegembiraan dan kepuasan guru dalam kehidupan. Hubungan guru-murid yang positif memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi guru (Spilt, Koomen, & Thijs, 2011).

Dalam kajian ini, hubungan guru-murid merujuk kepada perhubungan antara guru dan murid di prasekolah. Aspek konflik, kerapatan dan kebergantungan seperti dalam instrumen *Student Teacher Relationship Scale (STRS)* diambil kira.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan pengenalan, latar belakang masalah dan permasalahan yang ingin dikaji. Dalam bab ini juga pengkaji menyatakan tujuan dan matlamat kajian, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian dengan jelas agar kajian yang dijalankan kemudian tidak tersasar jauh. Pengkaji juga telah menyatakan kepentingan kajian yang boleh dijadikan panduan kepada sesetengah pihak. Batasan kajian dan definisi operasional juga telah dinyatakan dalam bab ini.

